



14 Januari 2022
14 January 2022
P.U. (A) 11

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA PULAU PINANG 2022

PENANG NATIONAL PARK REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TAMAN NEGARA 1980

PERATURAN-PERATURAN TAMAN NEGARA PULAU PINANG 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1) Akta Taman Negara 1980 [*Akta 226*], Menteri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Taman Negara Pulau Pinang 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 17 Januari 2022.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “Taman” ertinya Taman Negara Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Taman Negara 1980.

Fi

3. (1) Mana-mana pelawat yang masuk ke dalam Taman hendaklah dikenakan fi konservasi mengikut kategori pelawat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Mana-mana pelawat yang menjalankan apa-apa aktiviti di dalam Taman hendaklah dikenakan fi aktiviti mengikut jenis aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), fi aktiviti—

(a) berhubung dengan aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 1, 2 dan 3 Jadual Kedua hendaklah kena dibayar kepada Taman apabila suatu permohonan permit diluluskan di bawah subperaturan 4(3); dan

(b) berhubung dengan aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 4, 5 dan 6 Jadual Kedua hendaklah kena dibayar kepada Taman apabila masuk ke dalam Taman.

(4) Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pelancongan di dalam Taman hendaklah dikenakan fi perkhidmatan pelancongan mengikut jenis perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan fi itu hendaklah kena dibayar kepada Taman apabila permohonan permit diluluskan di bawah subperaturan 4(3).

(5) Mana-mana orang yang tidak membayar mana-mana fi di bawah peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Permit

4. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 1, 2 dan 3 Jadual Kedua atau memberikan perkhidmatan pelancongan yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan 2 Jadual Ketiga hendaklah memohon permit daripada Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi permit yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), meluluskan atau menolak permohonan itu.

(4) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pemohon tentang keputusannya yang dibuat di bawah subperaturan (3) mengikut cara yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Apabila diberitahu tentang kelulusan itu, pemohon hendaklah membayar fi aktiviti di bawah subperaturan 3(2) atau fi perkhidmatan pelancongan di bawah subperaturan 3(4), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan permit kepada pemohon.

(6) Ketua Pengarah boleh—

(a) mengenakan apa-apa syarat ke atas permit yang dikeluarkan; atau

(b) menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas permit.

(7) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(8) Suatu permit, melainkan jika terlebih dahulu digantung atau dibatalkan, hendaklah sah selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam permit itu.

(9) Pemegang permit hendaklah membawa permit pada setiap masa apabila berada di dalam Taman dan hendaklah mengemukakan permit itu apabila diminta oleh pegawai.

(10) Pemegang permit tidak boleh menyerah hak apa-apa hak, kewajipan, tanggungan atau obligasi di bawah permit itu kepada mana-mana orang lain.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1), (9) atau (10) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penggantungan atau pembatalan permit

5. (1) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan permit yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika—

- (a) pemegang permit telah melanggar apa-apa syarat yang dikenakan dalam permit;
- (b) pemegang permit telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
- (c) pemegang permit telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subperaturan 4(7).

(2) Seseorang pegawai hendaklah mempunyai kuasa untuk membawa keluar pemegang permit yang permitnya telah digantung atau dibatalkan untuk meninggalkan Taman.

(3) Mana-mana orang yang menggalang pegawai dalam menunaikan kewajipannya di bawah subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kehilangan permit

6. (1) Jika suatu permit hilang, pemegang permit hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di bawah permit dan hendaklah dengan segera memaklumkan Ketua Pengarah mengenai kehilangan itu.

(2) Pemegang permit hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu salinan permit itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Laluan masuk dan keluar

7. (1) Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari Taman kecuali dengan menggunakan laluan masuk atau keluar yang dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Taman.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Perbuatan yang dilarang dalam Taman

8. (1) Tiada seorang pun boleh, kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah, semasa berada dalam Taman—

(a) menyimpan, memiliki, membawa atau menggunakan apa-apa—

(i) racun;

(ii) senjata api, lembing, kapak, gergaji, bahan letupan atau senjata;

(iii) dadah haram atau minuman beralkohol; atau

(iv) barang berbahaya yang lain;

(b) mempamerkan kelakuan tidak senonoh;

(c) merosakkan mana-mana kemudahan;

- (d) membuang atau meninggalkan apa-apa sampah;
- (e) mencemar mana-mana kawasan;
- (f) menggunakan apa-apa jentera atau apa-apa bentuk pengangkutan kecuali untuk membantu orang kurang upaya;
- (g) membina, membangunkan atau meruntuhkan apa-apa struktur;
- (h) menghalang atau mengalihkan mana-mana saluran air;
- (i) mengendali atau menggunakan apa-apa alat peranti yang menghalang atau menyebabkan gangguan atau kecederaan kepada mana-mana orang, tumbuhan atau haiwan;
- (j) mengganggu, memotong, membawa masuk, membawa keluar, memindah, mencacatkan, merosakkan, menghalang, melepaskan, menyimpan, memiliki atau mengambil mana-mana—
 - (i) tumbuhan;
 - (ii) haiwan;
 - (iii) bangkai; atau
 - (iv) objek semula jadi;
- (k) menyebabkan kerosakan kepada ciri-ciri semula jadi;
- (l) memburu apa-apa haiwan; atau

(m) mengambil, menyimpan, mengganggu, merosakkan atau memusnahkan sarang apa-apa haiwan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penutupan kawasan Taman

9. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas membuat pemberitahuan kepada orang awam, menutup mana-mana kawasan di dalam Taman kepada orang awam bagi suatu tempoh yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(2) Tiada seorang pun boleh memasuki kawasan yang ditutup di bawah subperaturan (1) kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penepian fi

10. Menteri boleh menurut budi bicaranya, dalam mana-mana hal tertentu, mengetepikan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.

Borang

11. Taman hendaklah menyebabkan semua borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat disiarkan dalam laman sesawang rasminya.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 3(1)]

FI KONSERVASI

1. Bagi maksud Jadual ini, “masyarakat setempat” ertinya seseorang yang merupakan seorang warganegara Malaysia yang bermastautin di Teluk Bahang atau Kuala Sungai Pinang dalam Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang dinyatakan dalam kad pendaftaran pengenالannya.
2. Fi yang dikenakan bagi konservasi adalah seperti yang berikut:

	(1)	(2)	(3)
	Kategori Pelawat	Warganegara (RM)	Bukan Warganegara (RM)
1. Masyarakat setempat	(a) Dewasa	2.00 seorang	Tidak terpakai
	(b) Pelajar	2.00 seorang	Tidak terpakai
	(c) Kanak-kanak (3-12 tahun)	2.00 seorang	Tidak terpakai
	(d) Kanak-kanak (bawah umur 3 tahun)	Percuma	Percuma
	(e) Warga emas	Percuma	Percuma
	(f) Orang kurang upaya	Percuma	Percuma
2. Bukan masyarakat setempat	(a) Dewasa	10.00 seorang	50.00 seorang
	(b) Pelajar	5.00 seorang	20.00 seorang
	(c) Kanak-kanak (3-12 tahun)	5.00 seorang	15.00 seorang

(1)	(2)	(3)
Kategori Pelawat	Warganegara (RM)	Bukan Warganegara (RM)
(d) Kanak-kanak (bawah umur 3 tahun)	Percuma	Percuma
(e) Warga emas	Percuma	Percuma
(f) Orang kurang upaya	Percuma	Percuma

JADUAL KEDUA
[Subperaturan 3(2)]

FI AKTIVITI

(1)	(2)	(3)
Aktiviti	Warganegara (RM)	Bukan Warganegara (RM)
1. Perfileman dan fotografi komersial (setiap kumpulan)	500.00 sehari	1000.00 sehari
2. Kajian komersial (setiap kumpulan)	100.00 setahun	100.00 setahun
3. Acara (setiap kumpulan)	500.00 sehari	1000.00 sehari
4. Perkhemahan (setiap khemah)	5.00 semalam	15.00 semalam
5. Memancing (setiap joran)	10.00 sekali masuk	10.00 sekali masuk
6. Titian silara		
(a) Dewasa	10.00 seorang	50.00 seorang
(b) Kanak-kanak (3-12 tahun)	5.00 seorang	20.00 seorang

JADUAL KETIGA
[Subperaturan 3(4)]

FI PERKHIDMATAN PELANCONGAN

(1)	(2)
Perkhidmatan	Fi (RM)
1. Perkhidmatan bot (setiap bot)	20.00 setahun
2. Pemandu pelancong (setiap pemandu pelancong)	20.00 setahun

JADUAL KEEMPAT
[Subperaturan 4(2) dan peraturan 11]

BORANG

(1)	(2)
Tajuk Borang	Borang
1. Permohonan bagi permit aktiviti	AP1
2. Permohonan bagi permit perkhidmatan pelancongan	AP2

Dibuat 12 Januari 2022
[KeTSA/PUU 611-5/23 Jld.2; PN(PU2)670]

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

NATIONAL PARKS ACT 1980

PENANG NATIONAL PARK REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(1) of the National Parks Act 1980 [Act 226], the Minister, after consultation with the State Authority, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Penang National Park Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 17 January 2022.

Interpretation

2. In these Regulations, “Park” means the Penang National Park established under section 3 of the National Parks Act 1980.

Fees

3. (1) Any visitor who enters into the Park shall be charged with a conservation fee in accordance with the category of visitors specified in the First Schedule.

(2) Any visitor who carries out any activity in the Park shall be charged with an activity fee in accordance with the type of activities specified in the Second Schedule.

(3) For the purposes of subregulation (2), the activity fee—

(a) in relation to activities specified in paragraphs 1, 2 and 3 of the Second Schedule shall be payable to the Park upon approval of the application of permit under subregulation 4(3); and

(b) in relation to activities specified in paragraphs 4, 5 and 6 of the Second Schedule shall be payable to the Park upon entrance into the Park.

(4) Any person who renders tourism services in the Park shall be charged with a tourism service fee in accordance with the type of services specified in the Third Schedule and such fee shall be payable to the Park upon approval of the application of permit under subregulation 4(3).

(5) Any person who fails to pay any fee under this regulation commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Permit

4. (1) Any person who intends to carry out any activity specified in paragraphs 1, 2 and 3 of the Second Schedule or to render tourism services specified in paragraphs 1 and 2 of the Third Schedule shall apply for a permit from the Director General.

(2) The application for a permit referred to in subregulation (1) shall be made in the form as specified in the Fourth Schedule.

(3) The Director General may, after considering the application made under subregulation (1), approve or refuse the application.

(4) The Director General shall notify the applicant of his decision made under subregulation (3) in the manner as the Director General thinks fit.

(5) Upon notification of such approval, the applicant shall pay the activity fee under subregulation 3(2) or tourism service fee under subregulation 3(4), as the case may be, and the Director General shall issue a permit to the applicant.

(6) The Director General may—

(a) impose any conditions on the permit issued; or

(b) add, vary or revoke any conditions imposed on the permit.

(7) Any person who contravenes any conditions imposed by the Director General commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(8) A permit, unless sooner suspended or revoked, shall be valid for such period as may be specified in the permit.

(9) A permit holder shall carry the permit at all times in the Park and shall produce the permit when requested by an officer.

(10) A permit holder shall not assign any rights, duty, liability or obligation under the permit to any other person.

(11) Any person who contravenes subregulation (1), (9) or (10) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Suspension or revocation of permit

5. (1) The Director General may at any time suspend or revoke a permit issued under these Regulations if —

(a) a permit holder has contravened any conditions imposed on the permit;

(b) a permit holder has contravened any provisions under these Regulations; or

(c) a permit holder has been convicted of an offence under subregulation 4(7).

(2) An officer shall have the power to remove a permit holder whose permit has been suspended or revoked to leave the Park.

(3) Any person who obstructs an officer in the execution of his duty under subregulation (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Loss of permit

6. (1) Where a permit is lost, a permit holder shall discontinue any activity permitted under the permit and shall immediately inform the Director General of the loss.

(2) The permit holder shall apply to the Director General for a copy of the permit.

(3) Any person who contravenes subregulation (1) or (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Entrance and exit route

7. (1) No person shall enter into or exit from the Park except by using the permitted entry or exit route as determined by the Park.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Prohibited act in the Park

8. (1) No person shall, except with written permission of the Director General, while in the Park—

- (a)* keep, possess, carry or use any—
 - (i)* poison;
 - (ii)* firearm, spear, axe, saw, explosive or weapon;
 - (iii)* illicit drug or alcoholic beverage; or
 - (iv)* other dangerous goods;
- (b)* display indecent behaviour;
- (c)* damage any facility;
- (d)* dispose or leave any garbage;
- (e)* pollute any area;
- (f)* use any machinery or any form of transport except for the assistance of person with disabilities;
- (g)* construct, develop or demolish any structure;
- (h)* obstruct or divert any water channel;
- (i)* operate or use any device which obstructs or causes disturbance or injury to any person, plant or animal;

(j) interfere with, cut, bring in, take out, remove, mutilate, damage, obstruct, release, store, possess or take any—

(i) plant;

(ii) animal;

(iii) carcass; or

(iv) natural object;

(k) cause damage to natural features;

(l) hunt any animal; or

(m) take, store, disturb, damage or destroy the nest of any animal.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Closure of Park area

9. (1) The Director General may, after making a notification to the public, close any area in the Park to the public for a period specified in the notification.

(2) No person shall enter the area closed under subregulation (1) except with the written permission of the Director General.

(3) Any person who contravenes subregulation (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Waiver of fee

10. The Minister may in his discretion, in any particular case, waive wholly or in part any fee prescribed in the First Schedule, Second Schedule and Third Schedule.

Forms

11. The Park shall cause all forms specified in the Fourth Schedule to be published in its official website.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 3(1)]

CONSERVATION FEE

1. For the purposes of this Schedule, “local community” means a person who is a Malaysian citizen residing in Teluk Bahang or Kuala Sungai Pinang in the State of Penang as stated in his national registration identification card.
2. The fees imposed for conservation are as follows:

(1) Category of Visitor		(2) Citizen (RM)	(3) Non-citizen (RM)
1. Local community	(a) Adult	2.00 per person	Not applicable
	(b) Student	2.00 per person	Not applicable
	(c) Child (3-12 years)	2.00 per person	Not applicable
	(d) Child (below 3 years)	Free	Free
	(e) Senior citizen	Free	Free
	(f) Person with disability	Free	Free
2. Non-local community	(a) Adult	10.00 per person	50.00 per person
	(b) Student	5.00 per person	20.00 per person
	(c) Child (3-12 years)	5.00 per person	15.00 per person
	(d) Child (below 3 years)	Free	Free

(1)	(2)	(3)
Category of Visitor	Citizen (RM)	Non-citizen (RM)
<i>(e)</i> Senior citizen	Free	Free
<i>(f)</i> Person with disability	Free	Free

SECOND SCHEDULE

[Subregulation 3(2)]

ACTIVITY FEE

(1)	(2)	(3)
Activity	Citizen (RM)	Non-citizen (RM)
1. Commercial filming and photography (per group)	500.00 per day	1000.00 per day
2. Commercial study (per group)	100.00 per year	100.00 per year
3. Event (per group)	500.00 per day	1000.00 per day
4. Camping (per tent)	5.00 per night	15.00 per night
5. Fishing (per rod)	10.00 per entry	10.00 per entry
6. Canopy walkway		
<i>(a)</i> Adult	10.00 per person	50.00 per person
<i>(b)</i> Child (3-12 years)	5.00 per person	20.00 per person

THIRD SCHEDULE

[Subregulation 3(4)]

TOURISM SERVICE FEE

(1)	(2)
Service	Fee (RM)
1. Boat services (per boat)	20.00 per year
2. Tourist guide (per tourist guide)	20.00 per year

FOURTH SCHEDULE

[Subregulation 4(2) and regulation 11]

FORMS

(1)	(2)
Title of Forms	Form
1. Application for activity permit	AP1
2. Application for tourism services permit	AP2

Made 12 January 2022

[KeTSA/PUU 611-5/23 Jld.2; PN(PU2)670]

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
Minister of Energy and Natural Resources